

Tiada Penjarakkan Sosial Dalam Pesawat

PUTRAJAYA : Malaysia memutuskan untuk tidak lagi melaksanakan penjarakkan sosial dalam pesawat setelah mengambil kira standard antarabangsa dan garis panduan Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA). kata Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong. Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong berkata, Malaysia sebelum ini adalah antara negara yang melaksanakan penjarakkan sosial dalam pesawat semasa pandemik koronovirus (Covid-19), manakala ada negara yang melaksanakannya secara bersyarat dengan jarak tidak sampai satu meter.

Menurutnya, IATA tidak mewajibkan penjarakkan sosial, namun secara jelas menggariskan tatacara yang perlu dilaksana termasuk saringan kesihatan, pemakaian pelitup separuh muka dan perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh kru sebelum serta selepas penerangan. Bercakap pada sidang media di sini hari semalam, Ka Siong berkata, kementeriannya mengadakan perbincangan “berkali-kali” dengan Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara sebelum mencapai keputusan untuk tidak lagi mengamalkan penjarakkan sosial dalam pesawat selaras dengan standard antarabangsa.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam mengumumkan semua pengangkutan awam, bas ekspres, pesawat, perkhidmatan e-hailing, teksi dan kenderaan persendirian kini dibenarkan beroperasi pada kapasiti penuh dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan. - Bernama

SUMBER: SINAR HARIAN | M/S: 11 | 12 JUN 2020